

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (KESIHATAN)

TARIKH: 25 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 13

## KES DENGGI JANUARI HINGGA 24 DISEMBER 2017

Selangor **44,451 kes** ● Johor **7,792 kes** ● Kuala Lumpur **6,671 kes**  
N Sembilan **5,331 kes** ● Pulau Pinang **2,573 kes** ● Labuan paling rendah **87 kes**



## 82,314 kes denggi seluruh negara

**Putrajaya:** Sebanyak 82,314 kes denggi direkodkan di seluruh negara dalam tempoh Januari hingga semalam dengan Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi.

Statistik Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan (CPRC) Kementerian Kesihatan menunjukkan sebanyak 44,451 kes denggi dilaporkan di Selangor, diikuti Johor (7,792), Kuala Lumpur (6,671), Perak (5,331), Negeri Sembilan (3,022) dan Pulau Pinang (2,573).

Bilangan kes paling rendah ada-

lah di Labuan dengan hanya 87 direkodkan sepanjang tempoh berkenaan.

### 170 kematian

Pada masa sama, 170 kematian akibat denggi direkodkan antara Januari hingga 16 Disember lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, menegaskan pergerakan orang ramai secara meluas sepanjang cuti sekolah boleh menyebabkan jangkitan demam denggi lebih cepat merebak.

Katanya, orang ramai dinasihatkan melindungi diri daripada gigitan nyamuk terutama ketika berada di kawasan wabak dan digalakkan menggunakan bahan penghalau nyamuk atau mengenakan pakaian menutup anggota badan.

Maklumat senarai lokasi wabak dan kawasan panas Denggi boleh diperolehi menerusi aplikasi iDengue dalam telefon bimbit dengan memuat turun di Apps Store untuk pengguna iOS dan Google Play Store bagi pengguna Android.

[GAMBAR HIASAN]



**Kaedah semburan asap musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes antara langkah diambil kerajaan atasi kes denggi.**